

UMNO tidak perlu panggil Perhimpunan Agung Khas

UMNO 5 JUL 2002

KUALA LUMPUR 4 Julai — UMNO tidak perlu memanggil Perhimpunan Agung Khas bagi mendengar penjelasan sebab Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengambil keputusan meletak jawatan dan menarik balik tindakannya itu kemudian.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub berkata, ini kerana kenyataan Perdana Menteri mengenai perkara itu kembalinya dari bercuti semalam sudah cukup meng-

gambarkan kedudukan sebenar.

“Tidak perlu (adakan Perhimpunan Agung) sebab saya fikir rakyat terutama ahli dan penyokong UMNO telah memahami secukupnya tindakan Dr. Mahathir dan mengapa ia diambil,” katanya hari ini.

Perlu

Beliau ditanya sama ada perlu UMNO memanggil satu perhimpunan agung bagi membolehkan perwakilan mende-

ngar sendiri penjelasan Dr. Mahathir berhubung pengumuman peletakan jawatannya yang menyentuh perasaan rakyat pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO, pada 22 Jun lalu.

Pada sidang akhbar yang disiarkan secara langsung oleh *Radio dan Televisyen Malaysia* (RTM) semalam, Perdana Menteri menjelaskan sendiri mengapa beliau mengumumkan peletakan jawatannya.

Menurut Dr. Mahathir,

beliau bertindak mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO secara terbuka pada perhimpunan itu bagi mengelakkan dirinya terus didesak memegang kedua-dua jawatan berkenaan.

Perdana Menteri juga jelaskan, jika beliau tidak membuat pengumuman tersebut, sudah tentu beliau tidak mampu menepis desakan terus berkhidmat.

Selain itu, beliau ber-

hasrat untuk memberitahu perwakilan UMNO bahawa beliau menyerahkan jawatan kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana ia tradisi UMNO.